

U B208 AAB
NEGARA - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI PERPADUAN RAKYAT TIDAK MUNGKIN TERCAPAI SEPENUHNYA SELAGI ADA INDIVIDU ATAU GOLONGAN YANG MASIH TIDAK MELETAKKAN KEPENTINGAN NEGARA MELEBIHI KEPENTINGAN KAUM ATAU PERIBADI ATAU POLITIK MEREKA.

SEMASA MENJAWAB SOALAN SEN HAJI ABDUL HAMID HAJI LATIF DI DEWAN NEGARA PERDANA MENTERI BERKATA TIDAKLAH DAPAT DINAFIKAN BAHAWA MASIH ADA KEKURANGAN YANG BOLEH DIBAIKI DARIPADA SEGI PERPADUAN RAKYAT TERMASUK KALANGAN RAKYAT YANG BERAGAMA ISLAM.

BELIAU BERKATA KURANGNYA PERPADUAN DI KALANGAN RAKYAT YANG BERAGAMA ISLAM ADALAH KERANA WUJUDNYA GOLONGAN YANG MENCUBA MENGHASUT RAKYAT MENENTANG USAHA KERAJAAN YANG BERTUJUAN MENGKERATKAN PERHUBUNGAN SESAMA MEREKA.

+ADA JUGA SETENGAH-SETENGAH ORANG ISLAM YANG SENGAJA MENIDAKKAN USAHA KERAJAAN BAGI MENINGGIKAN SYIAR ISLAM SUPAYA TERPISAHLAH ORANG ISLAM YANG MENYOKONG KERAJAAN DARIPADA ORANG ISLAM YANG LAIN,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA DI ANTARA MEREKA ITU ADA YANG MENGKAFIRKAN SEPARUH ORANG ISLAM SUPAYA MEREKA DAPAT MENOLAK ORANG YANG DIKAFIRKAN ITU.

+DENGAN INI MAKA BERPECAH BELAH ORANG ISLAM,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.

1628MST 17 12 85

U 2209 AAB
NEGARA - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA BERKATA BILANGAN PARTI POLITIK DENGAN SENDIRINYA TIDAK MENYEBABKAN PERPADUAN RAKYAT SUKAR DIWUJUDKAN, TETAPI SIKAP KEPEMIMPINAN PARTI-PARTI ITU MEMANG MENYUKARKAN PERPADUAN.

SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN SEN HAJI SHUAIB LAZIM, PERDANA MENTERI BERKATA MEMANG BENAR KEGILAAN KUASA PARTI-PARTI PEMBANGKANG MERUPAKAN PENYEBAB KEPADA PERPECAHAN DI KALANGAN RAKYAT.

+BAGAIMANAPUN, SETAKAT INI UCAPAN ATAU TINDAKAN MEREKA ITU BELUM LAGI SAMPAI KEPADA PERINGKAT KITA MENGHARAMKAN PARTI-PARTI BERKENAAN,+ KATANYA SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN DATUK KAMARUZAMAN AHMAD.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, KERAJAAN AKAN MENERUSKAN USAHA-USAHA BAGI MENGKERATKAN PERPADUAN DI KALANGAN RAKYAT DENGAN MENERUSKAN SERUAN KE ARAH KEBAIKAN DAN MENCUBA MENANAMKAN NILAI-NILAI MULIA YANG SECOCOK DENGAN ISLAM.

KERAJAAN JUGA AKAN TERUS MENGEMBANGKAN PELAJARAN DAN PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN TANPA MENYEKAT BAHASA-BAHASA LAIN, MEMBENTUK KEBUDAYAAN KEBANGSAAN, MENGUMPUL SEKOLAH-SEKOLAH BERBAGAI-BAGAI BAHASA DALAM SATU KAMPUS DAN TINDAKAN LAIN YANG SESUAI UNTUK PERPADUAN, TAMBAHNYA. -- LAGI.

1628MST 17 12 85

U 212 AAB

NEGARA - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

SEMASA MENJAWAB SOALAN LAIN OLEH SEN AHMAD OTHAMN DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BUAT MASA INI KERAJAAN BELUM BERCADANG MENGADAKAN PERUSAHAAN MEMBUAT KAPAL TERBANG JENIS KECIL DAN HELIKOPTER.

NAMUN BEGITU, KATANYA, KERAJAAN TELAH MEMBERI GALAKAN KEPADA SEKUMPULAN ORANG YANG BERMINAT UNTUK MENUBUHKAN BADAN YANG AKAN MEMBELI KOMPONEN SERTA MEMASANG KAPAL TERBANG DAN HELIKOPTER KECIL.

PERDANA MENTERI BERKATA GALAKAN ITU AKAN MENGHASILKAN KEMAHIRAN SERTA PENGALAMAN DALAM BIDANG TEKNOLOGI DAN SAINS BERSABIT DENGAN REKABENTUK, PEMASANGAN DAN PEMBUATAN KAPAL TERBANG.

BELIAU BERKATA PENGALAMAN JUGA AKAN DIPEROLEHI BERSABIT DENGAN PENGGUNAAN BAHAN-BAHAN BARU SEPERTI PLASTIK, GENTIAN KARBON YANG BUKAN SAHAJA DAPAT DIGUNAKAN UNTUK KAPAL TERBANG TETAPI JUGA UNTUK BARANG BUATAN YANG LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN PENGELUARAN KERETA NASIONAL PROTON SAGA MENAMBAH PENGETAHUAN MENGENAI TEKNOLOGI LOGAM DAN JENTERA SERTA BERGUNA KEPADA PEMBUATAN KAPAL TERBANG TETAPI BANYAK BERBEZAAN ANTARA KEDUA-DUANYA.

+OLEH ITU BUAT MASA INI KITA TIDAK BERCADANG MEMASUKI BIDANG PEMBUATAN KAPAL TERBANG SEBALIKNYA MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA BIDANG +SERVICING+ DAN PEMBAIKAN SERTA MENGELUARKAN BEBERAPA JENIS +AVIONICS+ YANG MAMPU DIBUAT OLEH KITA,+ TEGASNYA. -- BERNAMA.
1640MST 17 12 85